

SKIM PERKHIDMATAN PEMANDU KENDERAAN

Jawatan	Pemandu Kenderaan Gred H11			
Kementerian	Kementerian Pendidikan Malaysia			
Kumpulan Perkhidmatan	Pelaksana			
Klasifikasi Perkhidmatan	Perkhidmatan Kemahiran			
Jadual Gaji	Peringkat	Gaji Minimum (RM Sebulan)	Gaji Maksimum (RM Sebulan)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
	P1	1,264.15	2,939.00	80.00
Syarat Lantikan	<p>Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;</p> <p>ii) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan</p> <p>iii) berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini</p> <p>Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lesen D RM 1,264.15 • Lesen E/E1/E2 RM 1,310.30 • Lesen F/ RM 1,356.45 • Lesen G/I RM 1,402.60 <p>(d) kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p>			
Taraf Jawatan	Tetap			
Fungsi Bidang Tugas	<p>Ringkasan Tugas :</p> <p>Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, <i>dumper</i>, <i>roller</i> dan traktor pertanian.</p> <p>Skop dan fungsi Bidang Tugas :</p> <p>(a) Secara amnya, skop dan fungsi Pemandu Kenderaan adalah merangkumi tanggungjawab sebelum memandu pada setiap hari, semasa memandu, selepas tamat perjalanan: dan sekiranya berlaku kemalangan.</p>			